

Perhimpunan Agung BERSATU

# Muhyiddin tak pertahan jawatan

Presiden BERSATU mahu beri ruang kepada pemimpin pelapis teruskan perjuangan parti

Oleh Muhammad Yusri  
Muzamir dan Mohammad  
Khairil Ashraf Mohd Khalid  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan tidak akan mempertahankan jawatan Presiden BERSATU pada pemilihan parti itu yang dijadual diadakan tahun depan.

Sehubungan itu, bekas Perdana Menteri berkata, Perhimpunan Agung BERSATU 2023 yang sedang berlangsung akan menjadi yang terakhir disertai beliau selaku presiden parti.

“Ini adalah Perhimpunan Agung Tahunan (BERSATU) terakhir (untuk) saya berdiri di pentas ini sebagai presiden. Ini kerana pemilihan parti akan datang akan dibuat di peringkat bahagian terlebih dahulu sebelum perhimpunan agung diadakan.

“Justeru, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memo-

hon maaf kepada semua pimpinan dan ahli BERSATU... jika saya melakukan sebarang kesalahan atau kesilapan sepanjang memimpin parti. Pesan saya, jagalalah parti ini baik-baik,” katanya ketika menyampaikan Ucapan Dasar Presiden sempena Perhimpunan Agung Tahunan BERSATU di sini, semalam.

Muhyiddin ketika menyuarakan hasratnya itu kelihatan tenang, sebelum pengerusi majlis meminta semua perwakilan bangkit sebagai menyuarakan tanda solidariti meminta Ahli Parlimen Pagoh itu kekal menerajui BERSATU.

Muhyiddin memaklumkan keputusan untuk tidak mempertahankan jawatan Presiden BERSATU itu dibuat untuk memberi ruang kepada pemimpin pelapis berpengalaman mengambil alih kepemimpinan mengikut proses demokrasi, selain meneruskan agenda perjuangan parti.

Sehubungan itu, beliau menyoalakan proses peralihan kepemimpinan BERSATU nanti akan berlangsung penuh tertib dan harmoni, hasil kesatuan hati dan semangat setiakawan tinggi dalam kalangan barisan kepimpinan dan ahli BERSATU.

“Junjunglah Perlembagaan parti. Elakkan perpecahan. Utamakan perpaduan supaya parti dapat bangkit dengan lebih ga-



Muhyiddin berucap pada Perhimpunan Agung Tahunan BERSATU di Shah Alam, semalam. (Foto Faiz Anuar/BH)

gah dan sakti selepas ini,” katanya.

#### **Kekal sebagai ahli BERSATU**

Sementara pada sidang media, Muhyiddin berkata, beliau secara tidak langsung akan memperlahankan kerjaya politiknya, se-jurus mengumumkan tidak akan mempertahankan jawatan presiden.

Bagaimanapun, beliau menegaskan akan kekal sebagai ahli BERSATU, selain memaklumkan yakin pengumuman tidak mempertahankan jawatannya itu akan mendapat sokongan akar umbi.

Dalam pada itu, beberapa pemimpin BERSATU tidak bersetuju dengan cadangan Muhyiddin.

Timbalan Presiden BERSATU, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu berkata, beliau juga tidak bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen Pagoh itu.

“Saya rasa terkejut dengan pengumuman presiden. Sebab itu, kita juga dapat melihat respons

secara tiba-tiba dari semua perwakilan yang berdiri menolak cadangan yang nak dibawa oleh presiden untuk tidak menawarkan diri,” katanya.

Setiausaha Agung BERSATU, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, kepimpinan parti masih belum membuat keputusan untuk menerima cadangan Muhyiddin itu.

“Itu baru cadangan. Saya tak mahu perkara ini jadi isu besar. Saya beritahu anda, kami semua dalam MPT (Majlis Pimpinan Tertinggi) telah bersetuju Tan Sri kata dia tidak mahu mempertahankan, bukan bermakna dia nak letak jawatan.

“Dia tidak mempertahankan (jawatan) dan kita tidak menandatangani sesiapa pun (bertanding). Tan Sri tetap menjadi presiden kita,” katanya.

Ketua Angkatan Bersatu Anak Muda (ARMADA), Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal pula menyatakan beliau akan membawa usul hari ini bagi memastikan Muhyiddin kekal sebagai presiden.